

Isu Antara Agama: Sorotan Awal Kemerosotan Toleransi Agama Malaysia

A Preliminary Review of the Decline in Religious Tolerance in Malaysia

Aemy Elyani Mat Zain¹, Haslina Ibrahim², Nazneen Ismail³, Safinah Ismail⁴,
Nur Aisyah Abu Hassan⁵, Fatin Farzana Dass Meral⁶

^{1,3,4,5,6}Universiti Islam Selangor, Malaysia

²Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Email: ¹aemyelyani@uis.edu.my, ²haslina@iium.edu.my, ³nazneen@uis.edu.my,
⁴safinah@uis.edu.my, ⁵nuraisyah@uis.edu.my, ⁶24mt09002@student.uis.edu.my

ABSTRAK

Toleransi merupakan kunci yang membentuk keharmonian dan perpaduan antara penganut antara agama. Namun begitu, timbulnya isu-isu antara agama boleh menjejaskan hubungan antara penganut agama jika tidak dibendung dengan lebih awal. Justeru, artikel ini bertujuan meneroka dan menganalisa apakah isu-isu antara agama yang dilaporkan dalam dapatan kajian yang lalu. Bagi mendapatkan data-data tersebut, kaedah kualitatif telah digunakan. Kaedah perpustakaan digunakan untuk mendapatkan dan meneliti bahan-bahan cetakan artikel ilmiah, tesis dan akhbar berkaitan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa dua isu utama yang menjadi jurang dalam usaha pemupukan semangat toleransi antara penganut agama di Malaysia ialah i) pendedahan media sosial dan politik semasa, ii) kurang pengetahuan terhadap agama yang dianuti dan kurang pendedahan terhadap agama-agama lain. Justeru, artikel ini mencadangkan agar isu-isu antara agama yang telah berlaku perlu diberi perhatian supaya ia boleh dibendung seawal mungkin oleh pihak yang berautoriti dan berkepentingan. Selain daripada itu, bagi mencapai kesepaduan yang lebih mendalam, perlu juga diselidiki bagaimana faktor-faktor sosial, ekonomi dan pendidikan boleh memainkan peranan dalam membentuk landskap toleransi agama dalam kalangan masyarakat pelbagai agama di negara ini. Usaha ini perlu menggembeling usaha secara kolektif dari semua pihak termasuk pemerintah, masyarakat sivil dan institusi agama.

Kata kunci: Isu antara agama, toleransi agama, keharmonian, Malaysia

ABSTRACT

Tolerance is the key to religious harmony and unity between different religious believers., Unfortunately the incidents of inter-religious issues may implicate inter-religious relations if not mitigated much earlier. Therefore, this article aims to explore interreligious issues reported in previous studies. The research is qualitative and it adopted library method for collecting the data from printed materials such as books, articles, theses, and research-related newspapers. The study found that there are two main issues that caused the gap between religious believers hence deter the spirit of tolerance in Malaysia, namely i) exposure to social media and contemporary politics, ii) lack of knowledge in one's own religion and other religions. Therefore, the authors suggest that interreligious issues be given additional attention by the authorities to mitigate any potential problems at the early stage. In addition, in order to achieve meaningful integration, it is also necessary to investigate how social, economic, and educational factors play a role in shaping the landscape of religious tolerance in the society. This initiative needs to consolidate collective actions from every parties which include the government, civil society, and religious institutions.

Keywords: Religious issues, religious tolerance, harmony, Malaysia

PENDAHULUAN

Agama merupakan salah satu aspek yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Kepelbagaian agama dan kepercayaan adalah *sunnatullah* seperti mana Allah SWT telah berfirman daripada surah al-Hujurat:13.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Ayat ini secara tidak langsung menekankan bahawa kepelbagaian bangsa, kaum dan agama di dunia ini bertujuan agar mereka saling berkenal-an di antara satu sama lain dan yang lebih mulia di sisi Tuhan hanyalah mereka yang bertaqwa. Ini amat jelas daripada huraian tafsir *Fi Zilalil Quran* (Syed Qutb, 1966) yang menyebutkan bahawa Allah SWT menciptakan manusia yang pelbagai ini bukanlah bertujuan agar mereka berseteru antara satu sama lain. Sebaliknya Dia mahu manusia untuk saling berkenal-kenalan. Malahan kepelbagaian dan perbezaan itu seharusnya

mendorong manusia untuk tolong menolong dan bekerjasama secara erat dalam melaksanakan tugas-tugas kemanusiaan dan melengkapkan keperluan umat manusia. Perbezaan warna kulit, bangsa, dan semuanya itu tidak dinilai dalam pandangan *Allah* SWT. Sebaliknya, neraca taqwa sahalalah yang menjadi nilaiannya.

Malaysia, merupakan negara yang mempunyai rakyat daripada pelbagai latar belakang agama, bangsa, budaya dan bahasa. Pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia mempunyai sejarah yang panjang melibatkan kedatangan penjajah British ke Tanah Melayu, dasar pintu terbuka di Tanah Melayu yang menjadikan imigran dari China, India dan Indonesia memasuki Tanah Melayu dan seterusnya pembahagian masyarakat atau kaum terjadi (Mohd Anuar Ramli et al, 2013). Hakikatnya, menghadapi kehidupan harian yang berlatarkan kepelbagaian adalah suatu yang mencabar, tambahan lagi apabila permulaan hubungan antara agama itu telah dilakukan melalui pengasingan antara etnik, agama dan kaum. Namun begitu, kepelbagaian di negara ini adalah suatu yang unik dan istimewa jika diurus dengan cara yang betul dan mengikut anjuran agama. Antara pencapaian dan kejayaan Malaysia yang membuktikan perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk ialah kejayaan memerdekakan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia (Aszlan Selamat et al, 2013).

Kejayaan Malaysia dalam memperkukuhkan hubungan antara kaum dan agama membentuk perpaduan ummah adalah seperti sejarah yang telah tercipta dan harus dikekalkan dan dibugarkan untuk jangkamasa panjang. Namun begitu, disebabkan berlakunya isu-isu antara agama ia memberi cabaran kepada negara untuk menyatupadukan masyarakat apatah lagi untuk mewujudkan semangat toleransi antara penganut agama yang berbeza. Oleh yang demikian, artikel ini berhasrat untuk mengkaji apakah isu-isu antara agama yang menyukarkan rakyat majmuk di Malaysia untuk hidup secara harmoni dan bertoleransi.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kepustakaan yang dilakukan melalui kaedah penelitian kajian lepas dalam mengenal pasti apakah isu-isu antara agama yang dibincangkan. Metodologi kajian adalah kualitatif iaitu dalam pengumpulan data dan menganalisa data yang terdiri daripada bahan-bahan bertulis seperti artikel ilmiah, tesis dan akhbar berkaitan kajian ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat dua isu yang menjejaskan toleransi agama di Malaysia dan sekaligus boleh menjejaskan juga keharmonian dalam sesebuah negara. Berikut adalah huraian terperinci berkaitan isu-isu berkenaan:

a. Pendedahan Media Sosial dan Politik Semasa

Media sosial adalah alat yang biasa digunakan untuk menyebarkan maklumat. Media sosial ialah istilah yang merujuk kepada aplikasi atau mana-mana rangkaian internet yang digunakan sebagai platform untuk berkomunikasi antara orang ramai di alam siber. Facebook, Instagram dan Twitter ialah aplikasi media sosial yang popular di Malaysia (Roslizawati, 2021).

Media sosial adalah cabaran baharu kepada perpaduan agama dan politik negara. Penyalahgunaan media sosial boleh melahirkan individu yang ekstrem dan mempengaruhi cara berfikir dan berpendapat. Selain itu, penyebaran berita palsu melalui media menyebabkan prasangka antara kaum dan agama bertambah buruk (Nur Azian, 2022). Orang bukan Islam di Malaysia mengenal Islam terutamanya melalui media. Bahkan kebanyakan karya yang ditulis oleh orang bukan Islam memberi gambaran buruk terhadap Islam kepada masyarakat global. Media juga turut bertanggungjawab melebarkan jurang antara orang Islam dan bukan Islam di Malaysia. (Mohd Azhar, 2013). Terdapat juga individu yang memburukkan imej Islam melalui media sosial dengan melakukan perbuatan yang mengaibkan, menghina dan merendahkan martabat dan kemuliaan Islam (Roslizawati, 2021).

Peranan media sosial ini perlu diambil perhatian. Ini kerana ia boleh menimbulkan beberapa isu-isu cabang seperti penggunaan kalimah Allah, penyebaran agama yang dianggap melampau, politik, sejarah penjajahan dan perpaduan antara agama.

i. Penggunaan Kalimah Allah

Kekerapan perbincangan mengenai isu ini di media telah menarik perhatian ramai. Membenarkan kalimah ini digunakan oleh orang bukan Islam akan menyebabkan kekeliruan terhadap Bible serta kecelaruan terhadap penganut agama Kristian sendiri. Ini kerana agama Kristian mempunyai definisi tersendiri terhadap tuhan mereka yang tentu sekali berbeza dengan definisi *Allah* bagi penganut agama Islam. Keterbukaan dan kelonggaran dalam penggunaan istilah Allah ini boleh menyebabkan salah faham yang bakal mencetuskan perselisihan di antara penganut agama Islam dan agama Kristian. Ia boleh menyebabkan pergaduhan dan provokasi yang tidak sepatutnya berlaku. Lebih membimbangkan lagi, sama ada kalimah itu digunakan dengan betul atau tidak ia boleh mengundang fahaman seperti pluralisme agama, yang memperjuangkan idea persamaan antara semua agama dan kepercayaan bahawa secara spiritualnya, Tuhan setiap agama adalah sama cuma manifestasinya berbeza. Kepercayaan seumpama ini boleh menjadikan pegangan manusia terhadap agama semakin rapuh (Ahmad Mohamad, 2021).

Konflik dalam hubungan agama dan etnik juga timbul apabila kalimah Allah digunakan dari kaca mata politik semasa. Pertikaian itu dikatakan bermula sejak keputusan Kabinet pada 16 Mei 1986 untuk melarang orang bukan Islam daripada menggunakan kalimah Allah. Walaupun pada masa itu terdapat larangan, mereka tidak begitu bersetuju dengan asas itu, tetapi ia tidak menimbulkan sebarang

masalah lagi. Sehingga 31 Disember 2007, Pastor Lawrence Andrew, editor akhbar mingguan Katolik the *Herald*, menyatakan bahawa tiada bukti penggunaan perkataan Allah dalam akhbar itu dilarang (Mohd Sharif, 2017).

Kabinet kemudiannya memutuskan untuk melarang penggunaan kalimah Allah untuk semua agama kecuali Islam. Keputusan itu menafikan lesen yang telah diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri kepada Andrew. Pada kali ini, Gereja Katolik memfailkan permohonan kepada Mahkamah Tinggi pada 19 Mac 2008 untuk menyatakan ketidakpuasan hati mereka dengan keputusan kabinet dan memohon untuk melakukan semakan semula bagi pihak gereja. Pada 5 Mei 2008, kes itu akhirnya diterima oleh Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan dan Kuasa Khas). Ini membolehkan Gereja Katolik memohon semakan kehakiman mengenai keputusan kabinet. (Mohd Sharif, 2017).

ii. Penyebaran Agama yang Dianggap Melampau

Di Malaysia, sama ada Semenanjung Malaysia atau Sabah Sarawak, kepelbagaian agama, etnik, budaya merupakan ciri unik buat Malaysia. Sesekali aspek politik semasa boleh menimbulkan isu antara agama. Sepertimana yang berlaku di Sabah, kegiatan dakwah atau penyebaran agama yang dikatakan meluas telah menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan agamawan Sabah dan juga dilihat sebagai cabaran kepada hubungan antara agama Sabah. Contohnya, penyebaran Islam yang pesat semasa pemerintahan Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) menyebabkan komuniti Kristian di Sabah tidak berpuas hati atas alasan diskriminasi dan hak beragama mereka terhalang (Nur Azian, 2022). Perkara ini berterusan sewaktu Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) berkuasa dari 1967 hingga 1976. Dasar Islamisasi yang dilaksanakan oleh parti USNO di bawah pimpinan Tun Datu Mustapha didakwa menjadi punca isu penyebaran Islam. Setelah dasar Islamisasi dilaksanakan, lebih ramai orang Islam berbanding Kristian (Nur Azian, 2022). Keadaan itu menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan orang Kristian di Sabah kerana hak mereka untuk beragama selain daripada Islam telah dihalang. Bahkan pemimpin dan kumpulan Kristian di Sabah menuduh kerajaan negeri melaksanakan dasar yang tidak adil yang hanya mengutamakan pembangunan Islam dan menghantar mubaligh Kristian pulang ke negara asal mereka (Nur Azian, 2022).

Hal yang sama, semasa pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS), orang ramai secara meluas menganut agama Kristian di Kota Marudu. Ini disebabkan oleh fakta bahawa Kota Marudu adalah tempat tinggal utama penduduk Kadazandusun dan pusat penyebaran Kristian. Selain itu, sebahagian besar masyarakat Kadazandusun dianggap mempunyai kecenderungan yang lebih besar untuk memilih agama Kristian sebagai agama mereka kerana ia dianggap lebih sesuai dan hampir sama dengan kepercayaan animisme yang mereka praktikkan sebelum menganut mana-mana agama lain (Nur Azian, 2022). Kecenderungan gerakan politik semasa ketika itu, membuatkan rakyat Sabah tidak selesa dengan aktiviti dakwah yang kelihatan

melampau, dan jika tidak diurus dengan baik, ia juga akan menjejaskan hubungan baik antara rakyat.

Kelihatan kedua agama dakwah ini aktif menyebarkan mesej agama masing-masing di Sabah. Keaktifan penyebaran mesej agama itu berdasarkan parti politik mana yang berkuasa ketika itu, seolah-olahnya hanya dengan perantaraan politik, kaedah dan usaha dakwah dapat dicapai. Malangnya, pendekatan sebegini membenihkan salah faham penganut agama lain dan boleh menyebabkan hubungan antara dua agama ini kurang mesra. Sepertimana disebutkan oleh Mohd Azhar (2013) bahawa kaedah dakwah dan usaha dakwah sedemikian kurang menepati dalam memperjelaskan Islam. Islam menitikberatkan pendekatan dakwah melalui tiga cara yang bersesuaian dengan konteks iaitu *hikmah*, *mauizah hasanah* dan *jidat*.

iii. Perpaduan, Politik Semasa dan Sejarah Penjajahan

Tindakan memperalatkan agama sehingga agama boleh dipolitikkan juga dapat mencetuskan kekeliruan kepada penganut agama justeru mereka tidak dapat membezakan antara agama dan politik. Bahkan ia juga boleh mengeruhkan hubungan antara agama-agama di Malaysia. Seperti yang dijelaskan oleh Siti Ruzana et al. (2020) bahawa sikap mengagamakan politik yang timbul dalam lanskap politik negara boleh menjejaskan nilai agama seperti terdapat sebahagian parti politik yang mengelompokkan ahli kepada pengelompokan iman dan pengelompokan politik.

Dari sudut pandang yang lain juga ketidaksefahaman dalam gerakan-gerakan Islam di Malaysia seperti PAS, ABIM dan JIM yang mana masing-masing mempunyai pengikut yang ramai telah membawa kepada perpecahan kepada masyarakat Melayu (Siti Ruzana et al, 2020). Walaubagaimanapun dari sisi pandangan yang lain, kepelbagaian dalam gerakan Islam menjelaskan dinamika kaedah dan pendekatan dakwah yang dilakukan. Namun begitu, jika kebebasan gerakan Islam ini disalahgunakan ia boleh membawa kepada perpecahan dan salah tanggapan oleh penganut agama lain terhadap Islam sendiri.

Seterusnya sikap sebahagian orang Islam mempersoalkan konsep negara Islam, emansipasi wanita, poligami, hukum-hukum seperti hudud, jenayah, menutup aurat dan perkara khurafat sejak sepuluh tahun yang lalu membuka ruang kepada golongan muslim liberal untuk mempertikai dan mempolemik isu-isu yang hampir sama seperti poligami, emansipasi wanita, pluralisme agama dan kebebasan beragama (Mohd Azhar, 2013). Bukan itu sahaja, kemunculan ajaran-ajaran sesat di dalam kelompok orang Islam sendiri seperti ajaran Ayah Pin, nabi Melayu, amalan khurafat dan *bida'ah* menjejaskan kepercayaan dan mengelirukan orang bukan Islam terhadap agama Islam yang sebenar (Mohd Azhar, 2013) yang akhirnya membawa mereka jauh daripada Islam dan salah faham terhadap agama.

Pertikaian antara penganut agama dalam medan politik juga memberi kesan kepada kemerosotan dalam membina hidup bertoleransi antara penganut agama di

Malaysia. Malahan, lebih bertambah serius apabila media memperbesar-besarkan isu-isu antara agama. Hal seperti ini berlaku antaranya konflik Melayu dan Cina yang melibatkan isu lagu Negaraku, penggunaan kalimah Allah dan resolusi 2010 yang mana internet menjadi tempat golongan muda Cina mengutuk agama Islam (Mohd Azhar, 2013). Malahan, Mohd Azhar (2013) yang memetik daripada Mansor (2006) dan Osman Chua (2003) menjelaskan bahawa etnosentrisme yang telah sebatu dalam diri sebahagian orang-orang Cina menjadikan mereka sukar mengadaptasi diri mereka dengan budaya lain contohnya Melayu dan Islam. Atas sebab-sebab ini, sebahagian besar orang bukan Islam dalam medan politik, terutamanya orang Cina berani bersuara. Mereka kekal liberal-sekular dan tidak mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam. Masyarakat Cina menulis tentang fenomena ini dalam media berbahasa Cina, mengukuhkan pandangan negatif mereka terhadap agama Islam (Mohd Azhar, 2013).

Selain daripada isu politik semasa yang turut memberi kesan kepada kemerosotan dalam membina hidup bertoleransi antara penganut agama di Malaysia, isu berkaitan sejarah perpaduan antara kaum dan agama yang begitu terbatas juga menyumbang kepada perkara ini. Ini kerana sejak awal penempatan, tiga kumpulan kaum di Malaysia telah ditempatkan secara berasingan oleh penjajah. Mereka yang tinggal di penempatan adalah orang Melayu. Kaum Cina ditempatkan di kawasan bandar untuk menjadi peniaga dan bekerja di lombong, manakala kaum India dipisahkan di kawasan penempatan ladang getah untuk bekerja di ladang (Mohd Sharif, 2017). Hal ini mengakibatkan setiap kaum mula memperkenalkan dan mengembangkan identiti mereka sendiri, namun begitu hubungan antara kaum tidak berlaku secara harmoni apatah lagi saling kenal mengenali budaya dan identiti sukar dicapai.

Begitu juga halnya dengan agama yang lazimnya kebanyakan kaum Melayu menganut agama Islam, kaum India menganut agama Hindu atau Kristian, kaum Cina memegang kepercayaan Taois, Confucious, Buddha atau Agama Cina tradisional. Hal-hal seperti pantang larang, budaya, perayaan dalam agama-agama, adalah sesuatu yang asing dan tidak diketahui oleh sebahagian besar masyarakat. Oleh yang demikian, tentulah sukar untuk seseorang individu untuk menghormati dan menjaga sensitiviti agama. Akibatnya, nilai-nilai toleransi sukar disemai dan dilaksanakan sepenuhnya dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia kini.

Terdapat kajian terdahulu melaporkan bahawa dasar pengasingan antara kaum dan agama yang berlaku adalah sebagai strategi bagi menghadkan pengaruh Islam kepada kaum dan agama lain yang telah berhijrah ke Tanah Melayu. Dalam masa yang sama, strategi penjajah juga cuba menyebarkan pengaruh Kristian di Tanah Melayu. Ini sepertimana yang dijelaskan oleh Mohd Azhar (2013) iaitu dasar penjajah Tanah Melayu seperti Portugis, Belanda dan Inggeris, yang cuba "mendinginkan pengaruh Islam" dan menyebarkan Kristian.

Oleh kerana kepelbagaian agama, etnik dan sosiobudaya yang tidak diharmonikan sejak awal lagi di Tanah Melayu, ia menyebabkan persepakan dan perpaduan antara kaum dan agama menjadi semakin mencabar. Setiap penganut agama berhadapan dengan kesukaran untuk mengubah diri mereka sendiri, terutamanya untuk memperbaiki kelemahan diri, seperti sikap, pandangan dan nilai agama. Perkara ini adalah punca utama pertelingkahan antara pengikut agama dan wujudnya prejudis agama dalam kalangan mereka (Mustafar, 2021).

Mohd Sharif (2017) dalam kajiannya menyenarai pendek beberapa isu antara kaum yang melanda negara ini. Antaranya ialah polisi kuota dan urbanisasi pada tahun 1970-an dan 1980-an yang turut memberi kesan ke atas hubungan etnik; hubungan kaum didominasi oleh isu kewarganegaraan dan kontrak sosial pada tahun 1950-an; dan isu bahasa pada tahun 1960-an sebelum Dasar Ekonomi Baru (DEB). Begitu juga isu berkaitan pengiktirafan keistimewaan orang Melayu turut mencetuskan isu antara kaum dan agama kerana pengiktirafan ini diterima dengan positifnya oleh orang Melayu tetapi sebaliknya dalam kalangan bukan Melayu. Orang Melayu bersetuju tentang perkara ini apabila ia berkaitan dengan peningkatan kualiti hidup mereka berbanding etnik lain. Sebaliknya, orang bukan Melayu mempunyai dua cara untuk mentafsirkan polisi tersebut. Yang pertama melihat bahawa orang Melayu tidak sepatutnya mendapat keistimewaan kerana mereka boleh berjuang sendiri tanpa bantuan orang lain. Kedua, individu yang biasanya menentang keistimewaan secara keseluruhan kerana ia bertentangan dengan prinsip demokrasi (Nazmi Muslim, 2011).

b. Kurang pendedahan terhadap Agama Lain

Ilmu pengetahuan memainkan peranan penting dalam semua perkara termasuklah perkara yang melibatkan hubungan antara penganut agama. Selain itu, bergantung kepada media sosial yang tidak mempunyai asas ilmiah menimbulkan ancaman kepada umat Islam sendiri kerana proses de-Islamisasi, atau penghakisan akidah berlaku melalui media seperti televisyen, majalah dan Internet. Media ini mempromosikan pelbagai nilai liar dan negatif, termasuk bercumbu, adegan aurat lelaki dan perempuan, zina, arak, keganasan melampau, dan pelbagai unsur khurafat yang bertentangan dengan agama Islam. (Roslizawati, 2021). Hal ini terjadi oleh kerana berlakunya isu-isu yang melibatkan toleransi antara agama dan ia semakin melarat hingga ke media sosial.

Dalam kehidupan seharian seseorang, semakin banyak interaksi dengan individu berlainan pegangan agama, maka semakin tinggi tahap toleransi yang boleh dipupuk. Kegagalan untuk memahami dan menghayati semangat toleransi agama ini boleh membawa kepada salah faham atau kekeliruan yang menyebabkan konflik dalam masyarakat yang terdiri daripada penganut agama yang pelbagai (Mustafar, 2021).

Pada peringkat pengajian tinggi terutama IPTS, 95% daripada lebih 500 pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah daripada bangsa Cina dan yang lain adalah Melayu, India dan sebagainya. Sebagai contoh, berdasarkan beberapa kajian yang dijalankan oleh penyelidik di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), interaksi dan integrasi antara kaum masih kurang memuaskan. Dari struktur demografi dan penduduk, kebanyakan orang Cina tinggal di bandar besar, manakala orang Melayu merupakan kelas pertengahan yang tinggal di bandar dan mempunyai kuasa membeli yang tinggi. Ini adalah realiti masyarakat yang pelbagai pada hari ini (Mohd Azhar, 2013).

Perselisihan berlaku kerana kedua-dua etnik iaitu, Melayu dan Cina masih tidak memahami antara satu sama lain tentang prinsip dan sistem kepercayaan mereka. Pelajar Cina di UTM contohnya, mempunyai pandangan yang berbeza tentang Islam. Sementara sebahagian responden mempunyai pandangan positif terhadap Islam, sebahagian lagi mempunyai pandangan negatif. Namun, secara umum, kebanyakan mereka tidak berminat untuk mempelajari lebih lanjut tentang Islam kerana mereka beranggapan mereka tidak memerlukannya (Mohd Azhar, 2013).

Fokus utama adalah perayaan kaum Cina dan India, yang merupakan kaum kedua dan ketiga terbesar di Malaysia selepas kaum Melayu. Tujuannya adalah untuk memberi informasi tentang perayaan kaum lain bagi mengelakkan kekeliruan, terutamanya dalam kalangan orang Islam dan untuk mengekalkan keharmonian untuk kepentingan keharmonian dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama (Mustafar, 2021).

Perkahwinan campur antara komuniti Sino-Kadazan di Sabah menghadapi cabaran agama dan kepercayaan apabila pasangan mempunyai anutan agama yang berbeza (Nur Azian, 2022). Ini secara tidak langsung membawa kepada kes pertukaran agama, jika tidak dikendalikan dengan betul ia boleh melarat kepada isu agama yang sensitif. Ini kerana, walaupun hidup di zaman moden, kebanyakan ahli masyarakat melihat agama sebagai perkara yang sangat penting. Oleh yang demikian bagi masyarakat moden selagi sesuatu tidak bertentangan dengan agama, kepercayaan boleh wujud mengikut adat (Nur Azian, 2022).

Stereotaip merupakan satu kesilapan dalam konteks hubungan antara agama. Umum mengetahui bahawa orang bukan Islam, terutamanya orang Cina, ada yang mempunyai pandangan yang negatif terhadap masyarakat Melayu dan agama Islam. Begitu juga serta sebaliknya. Banyak laman web dan laman *Facebook* diwujudkan bertujuan untuk menghina agama Islam (Mohd Azhar, 2013). Pemahaman yang berbeza tentang masyarakat Cina di Malaysia juga dipengaruhi oleh perkara yang berkaitan dengan istilah "Islam itu Melayu" dan "Melayu itu Islam." Isu ini mengakibatkan beberapa isu cabang lain turut tercetus yang melibatkan kefahaman mengenai perkahwinan dan pertukaran agama, kefahaman mengenai aktiviti sosial

antara agama dan pengaruh pemikiran semasa yang akhirnya membentuk kerangka persepsi masyarakat pada ketika ini.

i. Kefahaman terhadap Perkahwinan antara Agama & Pertukaran Agama

Bertitik tolak daripada pengetahuan yang rendah terhadap ilmu agama sendiri dan agama lain mengakibatkan kehidupan sebahagian masyarakat majmuk di Malaysia berada pada tahap kekeliruan. Hal ini dapat dilihat daripada permasalahan dalam perkahwinan antara agama yang berlaku yang melibatkan perkahwinan dengan orang yang tidak beragama Islam. Apabila sebahagian masyarakat di Sabah memilih untuk berkahwin mengikut adat bukan Islam atau adat kampung, ia menyebabkan terjadinya pasangan yang berbeza status agama. Permulaan ini sebenarnya sedikit sebanyak menyebabkan timbul isu antara agama kerana tidak jelas ajaran agama yang mana sepatutnya dipatuhi. Tambahan pula, ia akan melibatkan status agama anak-anak. Justeru, pasangan perlu mengesahkan status agama mereka dan ini telah meningkatkan jumlah permohonan pemelukan agama Islam di Mahkamah Syariah Sabah. Isu timbul apabila sebahagian rakyat Sabah di luar bandar yang berkahwin mengikut adat tetapi tidak mendaftarkan perkahwinan mereka, maka pendaftaran bayi akan menjadi lebih sukar (Nur Azian, 2022).

Begitu juga halnya, jika melibatkan perkahwinan antara agama atau perkahwinan campur, ia juga menimbulkan masalah pertukaran agama. Ini kerana pasangan bukan Islam perlu memeluk agama Islam sebelum perkahwinan boleh dijalankan. Namun terdapat sebahagian kelompok Cina di Malaysia yang agak kritikal dan prejudis terhadap Islam berbanding agama lain seperti agama Kristian. Kebiasaannya mereka mengambil masa yang agak lama untuk menerima jika ada ahli keluarga memeluk Islam (Mohd Azhar, 2013). Ini kerana kefahaman sebahagian orang Cina, perkataan 'masuk Islam' itu merujuk kepada 'masuk Melayu' (Mohd Azhar, 2013). Inilah yang memberatkan mereka untuk melepaskan ahli keluarga mereka menganut agama Islam berbanding agama lain kerana bangsa dan identiti ahli keluarga mereka terhapus kerana pertukaran agama.

ii. Aktiviti antara Agama

Selain itu, perkara yang melibatkan aktiviti antara agama sama ada ziarah menziarahi rumah ibadah antara agama dan sambutan perayaan antara agama juga boleh mencetuskan isu antara agama jika tidak diberikan kefahaman yang jelas mengenainya. Kefahaman ilmu bukan perlu diberikan kepada penganut agama Islam sahaja, tetapi juga kepada penganut agama selain Islam. Ini kerana ada sebab-sebab yang dibenarkan untuk saling ziarah menziarahi dan ada juga sebab-sebab yang tidak dibenarkan. Isu ini adalah isu sensitif dalam agama dan boleh menjadi fitnah atau salah faham kepada agama sekiranya dilakukan tanpa sebab-sebab yang sewajarnya.

Contoh lain seperti perkara yang berkaitan dengan perayaan oleh penganut agama lain. Setiap penganut beragama khususnya Islam perlu mengetahui dari sudut ilmu perbandingan agama (walaupun tidak perlu begitu mendalam) tentang agama lain.

Pengetahuan terhadap perayaan-perayaan agama lain, ketuhanan, kebudayaan dan adat penting diketahui agar dapat mengelakkan berlaku unsur-unsur yang tidak diinginkan dan bercanggah dengan ajaran Islam. Mustafar (2021) dalam hal ini menerangkan bahawa perayaan Pesta Pongal bagi orang penganut agama Hindu adalah sebahagian daripada upacara keagamaan kerana ia mempunyai aspek penyembahan kepada dewa. Sebaliknya, Tahun Baru Cina pula merupakan perayaan menyambut tahun baru dan boleh dianggap sebagai perayaan budaya atau adat.

Hal-hal pemakanan juga harus diberi perhatian oleh penganut agama lain bagi menjaga sensitiviti agama. Contohnya penganut agama Hindu mengamalkan diet vegetarian. Oleh itu, penganut agama bukan Hindu perlu sensitif, teliti dan berwaspada apabila menjemput mereka ke majlis jamuan dan keramaian seumpamanya.

ANALISIS DAN KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan, dapatlah disimpulkan bahawa pendedahan media sosial dan politik semasa, serta kurangnya pendedahan terhadap agama dan agama-agama lain, boleh mencetuskan isu antara agama di Malaysia. Isu-isu antara agama timbul disebabkan oleh pelbagai faktor seperti perbezaan kepercayaan, amalan dan tafsiran dalam kalangan masyarakat agama yang berbeza. Sikap tidak mengambil cakna kepada sensitiviti dan pantang larang dalam agama lain juga boleh menjejaskan semangat toleransi antara agama di Malaysia. Isu-isu tersebut boleh menyebabkan salah faham dan ketidakpercayaan antara komuniti agama. Apabila konflik atau perselisihan faham timbul mengenai amalan atau kepercayaan agama, ia boleh mengikis kepercayaan dan semangat muhibah yang sangat penting dalam memupuk toleransi agama.

Selain itu, pertikaian undang-undang yang berkaitan dengan isu antara agama, seperti konflik hak agama, penukaran agama, atau status minoriti agama, boleh menimbulkan cabaran besar kepada toleransi agama. Ketidakselarasan atau ketidakcukupan dalam rangka kerja undang-undang boleh memburukkan lagi ketegangan dan menjejaskan usaha untuk melindungi kebebasan beragama untuk semua. Ia bukan sahaja boleh menyebabkan salah faham dan cabaran undang-undang malah ketegangan yang timbul daripada isu antara agama boleh mempolarisasi masyarakat mengikut garis agama, membawa kepada perpecahan dan permusuhan antara kumpulan agama yang berbeza. Polarisasi ini boleh melemahkan perpaduan dan identiti bersama yang diperlukan untuk menggalakkan toleransi agama.

Kesimpulannya, menangani isu antara agama dan menggalakkan toleransi agama di Malaysia memerlukan usaha bersepadu daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk institusi kerajaan, pemimpin agama, pertubuhan masyarakat sivil dan orang awam yang lebih luas. Inisiatif yang bertujuan untuk memupuk dialog,

menggalakkan persefahaman bersama dan melindungi kebebasan beragama adalah sangat penting untuk membina masyarakat yang lebih harmoni dan inklusif. Selain itu, memperkukuh perlindungan undang-undang dan memastikan hak yang terjaga antara komuniti agama adalah langkah penting ke arah memelihara toleransi agama di Malaysia.

PENGHARGAAN

Ini merupakan satu daripada hasil penyelidikan bagi Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS (GPIU) di bawah projek bertajuk ‘Analisis Keperluan dan Panduan Pelaksanaan Aplikasi Digital Terhadap Toleransi Antara Agama di Malaysia’, Kod Projek: 2023/P/GPIU/GPM-008

RUJUKAN

- Ab Ghani, S. R., Omar, R., Enh, A. M., & Kamaruddin, R. (2020). Cabaran dan isu dalam perkembangan dakwah gerakan Islam di Malaysia tahun, 1957-2000: Challenges and issue in the development da'wah of Islamic movement in Malaysia Year, 1957-200. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 98-115.
- Adib, A. M., & Awang. J. (2023). Sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di Mengkuang Titi, Pulau Pinang. *International Journal of Religion, Arts and Humanities*, 3, 92-105
- Aratin, N. A., & Rahman, N. F. A. (2022). Kajian sensitiviti agama: Tinjauan awal di Sabah [*Religious Sensitivity in Sabah: An Overview Study*]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 182-200.
- Azam, A. B. M., Abd Rahman, K. A., & Muda, K. (2023). Kertas konsep pembangunan indeks hak kebebasan beragama di Malaysia: *Concept Paper on the Development of the Right to Religious Freedom Index in Malaysia*. *Sains Insani*, 8(2), 286-293.
- Din, H. A. M., Abd Aziz, S., Ismail, M. M., Anas, N., Niteh, M. Y., Ibrahim, M. R., & Shahabudin, M. F. R. (2022). Analisis keperluan Model Patriotisme patuh syariah berdasarkan kaedah *Systematic Literature Review*. *Integrating Values of Humanities and Social Sciences for Sustainable Future*, 59.
- Gusrinda, H. A. (2023). Toleransi beragama dalam perspektif Islam. Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Hamid, M. A. A., Yusuff, R. M., Othman, M. F., & Balwi, M. K. (2013). Perspektif orang Cina terhadap agama Islam di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Sains Humanika*, 60(1).
- Jodi, K. H. M. & Oo, G. K. (2023, September 22). Toleransi beragama asas perpaduan Malaysia Madani. BERNAMA. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2222500>
- Mohamad, A., Ghazali, A., & Ali, W. Z. K. W. (2021). Isu-Isu berkaitan pluralisme agama di Malaysia: Suatu analisis awal. *Jurnal Peradaban*, 14(1), 1-17.

- Muslim, N., Jalil, F., Bari, A. A., Noor, M. M., & Mastor, K. A. (2011). Tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 9(2).
- Mustafar, F. W., & Badhrulhisham, A. (2021). Pesta Pongal dan Tahun Baru Cina, perayaan adat atau perayaan keagamaan? Satu toleransi agama di Malaysia: *Pongal Festival and Chinese New Year, customary festivals or religious festivals? A religious tolerance in Malaysia*. *Abqari Journal*, 25(1), 80-96.
- Perdana, D., & Muttaqin, Z. (2023). Implementasi moderasi beragama dalam empat indikator moderasi beragama di Pondok Pesantren Muhammadiyah Roudhotun Nasyi'in Tahun 2023/2024. *Indonesian Journal of Multidisciplinary*, 1(5), 2026-2033.
- Prakastyo, N. D., Marampa, E. R., & Eddy, S. (2023). Toleransi yang tak nyata: Problematika hak kebebasan beragama dalam perspektif pendidikan Kristen. *SOPHIA: Jurnal Teologi dan Pendidikan Kristen*, 4(2), 91-102.
- Ramli, M. A., Ismail, P., Abdullah, A. B., & Jamaludin, M. A. (2013). Fenomena al-tasyabbuh (penyerupaan) dalam sambutan perayaan masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Shariah*, 21(1), 21-42
- Ramly, R. M., Abd Mutalib, M. M., Mohd, W. M. F. A. W., Shukor, N. M., Abd Rahman, M. R., Sharif, E. A. M., & Haris, I. M. (2021). Memahami aspek penghinaan terhadap agama Islam di Malaysia.
- Rizqutami, S., Rambe, U. K., & Ekowati, E. (2023). Toleransi beragama dalam QS. Al-Mumtahanah 8-9 Tipologi Muhammad Mutawalli As-Sya'rawy dalam Tafsir As-Sya'rawy. *ANWARUL*, 3(5), 1097-1109.
- Sayyid Qutb. (1966). *Tafsir Fi Zilalil Quran*. <https://tafsirzilal.wordpress.com/bahasa-melayu-edisi-lengkap/>
- Selamat, A., & Safarudin, M. I. (2016). Penilaian faktor-faktor kesenjangan etnik di Malaysia sebagai penghalang perpaduan nasional. *Jurnal Kinabalu*, 19. <https://doi.org/10.51200/ejk.v19i.504>
- Sharif, M. F. M., & Khambali, K. M. (2017). Respons Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam Terhadap Pluraliti Agama di Malaysia: *Response among the Students of the Public Higher Learning Institution towards Religious Plurality in Malaysia*. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 19(1), 1-40.
- Terin, M. I. M., Mohad, A. H., & Mokhtar, R. A. M. (2022). Tinjauan awal mengenai pelaksanaan program perpaduan dalam kalangan ahli NGO berteraskan Islam dan bukan Islam di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*.
- Utama, A. A., & Firmansyah, M. F. (2024). Strategic management of Prophet Lut'Alaihissalam's da'wah to the people of Sodom. *Jurnal Ilmiah Mandala Education*, 10(1), 145-150.

LAMPIRAN**Ringkasan Isu antara Agama**

Pendedahan Media Sosial dan Politik Semasa

- ✓ Penggunaan kalimah Allah
- ✓ Penyebaran agama yang dianggap melampau
- ✓ Perpaduan, politik semasa dan sejarah penjajahan

Pengetahuan Rendah dalam Bidang Ilmu Agama dan Agama Lain

- ✓ Kefahaman terhadap perkahwinan antara agama & pertukaran agama
- ✓ Aktiviti antara agama